

# ACTICOL DM SYRUP

Triprolidine hydrochloride/ Pseudoephedrine hydrochloride/ Dextromethorphan hydrobromide (1.25mg/ 30mg/ 10mg per 5ml)

## Apakah di dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Acticol DM Syrup
2. Bagaimana Acticol DM Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Acticol DM Syrup
4. Cara menggunakan Acticol DM Syrup
5. Semasa menggunakan Acticol DM Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acticol DM Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan Acticol DM Syrup**  
Acticol DM Syrup digunakan untuk mengurangkan gejala yang disebabkan oleh selesema, influenza, alahan termasuk batuk dan hidung tersumbat.

## Bagaimana Acticol DM Syrup berfungsi

Ubat ini mengandungi tiga bahan aktif dengan setiap bahan aktif memberi kesan yang berbeza.

Triprolidine hydrochloride, tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alahan.

Pseudoephedrine hydrochloride adalah dekongestan yang berfungsi dengan menyempitkan saluran darah di dalam saluran hidung. Ini membantu melegakan kesesakan hidung atau hidung tersumbat.

Dextromethorphan Hydrobromide adalah penahan batuk yang bertindak di bahagian otak.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum mengambil Acticol DM Syrup

- Bila tidak boleh mengambil  
Jangan mengambil Acticol DM Syrup ini jika anda:

- Mempunyai hipersensitiviti terhadap pseudoephedrine, tripolidine atau dextromethorphan atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Sedang mengambil ubat monoamine oxidase inhibitor untuk merawat kemurungan atau pernah mengambil ubat ini dalam tempoh dua minggu yang lalu.
- Mengalami masalah tekanan darah yang sangat tinggi atau penyakit jantung yang serius.
- Mengalami batuk yang mempunyai kaitan dengan penyakit asma atau yang mempunyai kahak berlebihan.
- Berisiko mengalami masalah pernafasan (pertukaran gas yang tidak mencukupi oleh sistem pernafasan).

Mengandung dan menyusukan anak

- Dapatkan nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau sedang menyusukan bayi.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

- Sebelum mula mengambil  
Acticol DM Syrup tidak sesuai digunakan untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai keadaan berikut

- diabetes
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- penyakit jantung, tekanan darah tinggi
- tekanan tinggi dalam mata
- Pembesaran prostat
- kemerosotan fungsi buah pinggang dan hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutamanya penggunaan Acticol DM Syrup dengan:

- ubat-ubatan yang kadangkala boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah seperti:
  - dekongestan
  - antidepresan trisiklik
  - penahan selera makan
  - perencat monoamine oxidase.
- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung (bretylum)
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (bethanidine, guanethidine, debrisoquine, methyl dopa).

Acticol DM Syrup tidak boleh diambil bersama-sama dengan *furazolidone* (antibakteria)

## Cara menggunakan Acticol DM Syrup

- Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun: 10 ml

Kanak-kanak:

6 – 12 tahun: 5 ml

2 - 5 tahun: 2.5 ml

- Bila perlu diambil

Ambil ubat ini tiga kali sehari.

- Berapa lama perlu diambil

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

# ACTICOL DM SYRUP

Triprolidine hydrochloride/ Pseudoephedrine hydrochloride/ Dextromethorphan hydrobromide (1.25mg/ 30mg/ 10mg per 5ml)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak boleh menyebabkan:

- mengantuk
- kelesuan
- pening
- pergerakan tidak selaras
- pergerakan mata yang tidak normal
- kelemahan
- mempunyai tekanan ton otot yang kurang daripada biasa
- Kesukaran untuk bernafas
- Kekeringan pada kulit dan membran mukus
- denyutan jantung yang lebih cepat daripada normal
- Tekanan darah tinggi
- hiperaktif
- demam panas
- cepat marah
- sawan
- Kesukaran untuk membuang air kecil
- Loya dan muntah

**Semasa menggunakan Acticol DM Syrup**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Acticol DM syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memandu atau mengendalikan mesin kerana Acticol DM syrup

mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan menjejaskan respon.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kanak-kanak berumur antara 2 hingga 6 tahun, gunakan dengan berhati-hati dan ikuti nasihat yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Acticol DM Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Kesan sampingan yang mungkin adalah:

- Mengantuk
- Gangguan tidur
- Berkhayal
- Kekeringan pada mulut, hidung dan tekak
- Ruam pada kulit
- denyutan jantung yang lebih cepat daripada normal
- pembesaran prostat.
- Loya
- Muntah
- gangguan perut atau usus

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Acticol DM Syrup**

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering di bawah suhu 30 ° C. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat. Lindungi dari cahaya. Simpan ubat daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna merah dengan perisa raspberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan- bahan aktif  
Dextromethorphan Hydrobromide ,  
Pseudoephedrine Hydrochloride ,  
Triprolidine Hydrochloride.

- Bahan tidak aktif  
Refined sugar, propylparaben,  
carboxymethylcellulose sodium,perisa raspberi, chloroform spirit,pewarna ponceau 4R, methylparaben, citric acid monohydrate

- Nombor MAL:

MAL07031103AZ

**Pengilang**

Noripharma Sdn. Bhd.  
Lot 5030, Jalan Teratai,  
5 1/2 Mile off Jalan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor, Malaysia.

**Pemegang pendaftaran produk**

Steriline Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile Off Jalan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Tarikh kemaskini (RiMUP)**

12/11/2024

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)111124/00123